

BANJIR Kilat menenggelami Bandar Baru Kundang.

KAWASAN YANG TERJEJAS AKIBAT BANJIR

Info

KUNDANG

Bandar Baru Kundang, Kampung Melayu Sri Kundang dan Kampung Setia
Jumlah mangsa: 15 orang

KUANG

Kampung Sungai Serai
Jumlah mangsa: 69 orang (semua dipindahkan)

KUALA SELANGOR

Kampung Harmoni, Ijok
Jumlah rumah dan premis terjejas: Tiada

RAWANG

Pekan Batu Arang dan Taman Tun Perak
Jumlah premis dan rumah terjejas: 68 unit



ANTARA KAWASAN yang ditenggelami air.



KENDERAAN meredah laluan yang ditenggelami air.

SEHARI DUA KALI BANJIR

■ Hujan berterusan selama lebih dua jam semalam menyebabkan beberapa kawasan ditenggelami air

Mohd Hasbi Sidek dan Amirul Aiman Hamsuddin
am@metro.com.my

Rawat menzuri rumah semalam (kelmarin) masih belum hilang. Hari ini (semalam) rumah saya sekali lagi ditenggelami banjir dan selut merah," kata salah seorang penduduk Bandar Baru Kundang, Arman Tih, 49, di sini.

Dalam bencana terbaru jam 9.30 pagi semalam, banjir sedalam lebih satu meter menenggelamkan kawasan perumahan yang didiami beratus penduduk di kawasan berkenaan.

Banjir kedua yang berlaku dalam tempoh tidak sampai 24 jam itu menyebabkan air banjir turut memasuki kediaman dan menenggelamkan perabot serta perkakas rumah.

FAKTA
Penduduk pindahkan kenderaan masing-masing ke kawasan lebih tinggi

Arman yang bekerja sebagai pemandu lori berkata, dia terkejut dengan musibah yang datang menadak itu.

"Saya sangkakan cuaca mulai pulih dan banjir beransur surut. Malah, saya mengambil cuti semalam (kelmarin) untuk membersihkan kediaman.

"Namun saya terpaksa mengambil cuti sekali lagi hari ini (semalam) untuk mencek rumah terutama di bahagian lantai dan din-

ding," katanya.

Arman berkata, perkakas rumahnya yang sudah dicuci terpaksa dibuang selepas lumpur tebal menenggelamkan sofa dan almari," katanya.

Seorang lagi mangsa, Mohd Shafrizal Mahyiddin, 25, berkata, hujan yang berterusan selama lebih dua jam semalam menyebabkan banjir menenggelamkan kawasan kediamannya.

"Saya dan keluarga segera naik ke tingkat dua kemudian sebaik air melimpah memasuki rumah. Kejadian banjir ini adalah yang terburuk pernah berlaku sejak tahun

2015," katanya.

Sementara itu, tinjauan wartawan Harian Metro mendapati laluan Jalan Kundang, di sini, mengalami kesesakan teruk berikutan jambatan di kawasan itu masih ditenggelami banjir sehingga petang semalam.

Malah beratus penduduk yang mendiami kawasan perumahan di Taman Kundang Jaya di sini, turut terjejas berikutan seluruh kawasan itu ditenggelami banjir lumpur.

Rata-rata penduduk terpaksa memindahkan kenderaan masing-masing ke kawasan lebih tinggi.